

# Belanjawan negara: Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia Jaminan Razaleigh

**TANAH MERAH,** Selasa — Belanjawan negara bagi tahun depan dijangka tidak membebaskan rakyat, khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah, demikian dibayangkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya, Kerajaan sedar dan bersimpati dengan masalah serta kesulitan dihadapi rakyat berikutan kemelesetan ekonomi dunia sekarang.

Berucap dalam perjumpaan dengan penduduk di Kampung Gemang dekat sini semalam, Tengku Razaleigh menasihatkan rakyat supaya berabahr, di samping berjimat cermat dalam urusan belanjawan.

Katanya, rakyat sendiri mestilah memastikan tidak ada pembaziran atau belanjawan berlebihan dalam keadaan sekarang.

Katanya, Kerajaan sedar masalah yang dihadapi rakyat di kampung-kampung, khususnya

para pekebun kecil akibat kejatuhan harga getah di pasaran antarabangsa.

Menurut beliau, harga getah jatuh dari \$4 sekilo awal tahun ini kepada \$2 sekilo sekarang, kelapa sawit turun dari \$1,300 satu tan metrik hingga \$600 dan harga bijih timah dari \$1,200 sepikul kepada antara \$600 hingga \$700.

Menurut Tengku Razaleigh, kesusahan yang sama dialami oleh peneroka Rancangan Tanah Felda, DARU dan KETENGAH akibat

kemelesetan ekonomi dunia.

"Kita mesti hidup dalam keadaan sekarang buat sementara waktu sehingga keadaan ekonomi pulih seperti sediakala," ujarnya.

"Sebagai Menteri Kewangan, saya kini menghadapi kesulitan dalam menyediakan belanjawan negara untuk tahun depan.

"Ini kerana saya menerima berbilang kenyataan yang bercanggah, setengah pihak mengatakan ekonomi dunia akan pulih pada pertengahan tahun 1984, ada pula yang mengatakan ekonomi dunia sudah menunjukkan tanda-tanda akan pulih, walhal saya tidak nampak tanda-tanda itu," ujar beliau.

## Bercanggah

Tengku Razaleigh menyuruh rakyat melipatandakan daya pengeluaran, di samping berjimat-cermat, berbelanja untuk perkara-perkara mustahak saja.

Menteri Kewangan itu mengingatkan rakyat terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman supaya sentiasa berwaspada dalam keadaan kemelesetan sekarang, kerana anasir-anasir komunis dan orang-orang jahat akan mengambil kesempatan mengeksplotasi keadaan.

Katanya lagi, tidak mustahil anasir komunis dan golongan tidak bertanggung-jawab akan mengambil kesempatan menangkup di air keruh, bagi menyokong perjuangan mereka.